

31 OCT 2003

Indon-Mahathir/I

RAKYAT INDONESIA YANG TERHUTANG BUDI TERASA KEHILANGAN DR M

Oleh: Openg Onn

JAKARTA, 31 Okt (Bernama) -- Ramai rakyat Indonesia dari pelusuk tempat di negara itu yang memuji Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan merasa kehilangannya apabila beliau bersara dan menyerahkan tugas beliau kepada penggantinya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, hari ini selepas menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun.

Bagi mereka, Dr Mahathir, dilihat sebagai "Soekarno Kecil," bukan sahaja seorang pemimpin Malaysia tetapi seorang tokoh yang telah menyuarakan banyak isu yang mereka kongsi bersama tetapi tidak mampu atau tidak boleh menyuarakannya dengan nada yang menyakitkan hati seperti beliau lakukan, terutamanya bagi menentang kuasa-kuasa barat.

"Suara beliau seperti suara kita. Kita juga berbangga dengan beliau. Malaysia bernasib baik mempunyai pemimpin seperti itu," kata Menteri Galian dan Tenaga, kepada pemberita. Purnomo, merupakan menteri Indonesia yang terakhir yang berpeluang bersama Dr Mahathir sebelum beliau bersara sebagai Perdana Menteri.

Beliau dilantik oleh Presiden Megawati Sukarnoputri sebagai ketua protokol mengiringi Dr Mahathir semasa lawatan beliau ke bandaraya purba Indonesia di wilayah tengah Jawa, minggu lepas untuk menerima Anugerah Kejuruteraan Cemerlang Kehormat daripada Persekutuan Pertubuhan Kejuruteraan Asean (AFEO).

Pada satu manifestasi sebagai penghormatan dan kasih sayang, sebuah stesen televisyen yang dikendalikan oleh sebuah kumpulan media tempatan yang terkemuka, mengambil peluang melalui lawatan beliau itu bagi mengadakan satu temu bual khas secara langsung oleh empat orang panel wartawan kanannya dengan Perdana Menteri itu.

"Kita sepatutnya mempunyai seornag pemimpin seperti Dr Mahathir di sini untuk menangani masalah kita, kata seorang kakitangan pejabat Harry Dharmadi di sini, mengenangkan ketiadaan kepimpinan seperti itu, dengan kancah politik dan ekonomi negara yang sedang bergolak dengan krisis itu, serta penduduk 215 juta, menjadikannya sebuah negara yang keempat terbesar di dunia.

Sementara ramai rakyat Indonesia hanya mendengar kejayaan yang dilakukan Dr Mahathir dalam pembangunan Malaysia di bawah kepimpinan beliau. Mereka merupakan jutaan pekerja yang telah bekerja di Malaysia sejak beberapa tahun lepas.

Bagi ratusan pekerja di Pulau Bawean, di utara pantai Jawa, selepas beberapa tahun mengumpul kekayaan di Malaysia, mereka terasa terlalu rapat dengan Dr Mahathir sehinggakan menamakan sebatang jalan di kampung mereka dengan nama beliau.

Peralihan kuasa dengan teratur secara tradisi di Malaysia sangat dicemburui oleh rakyat Indonesia, yang sekian lama tidak pernah melihat penggantian pucuk pimpinan tanpa pergolakan atau huru-hara politik.

"Media Indonesia" dalam ruangan lidah pengarangnya bertajuk "Ketauladanan Yang Perlu Kita Tiru" hari ini bagi menandakan penggantian kuasa berkata " Dr Mahathir yang sering disebut "Soekarno Kecil" adalah pemimpin yang tahu bila harus bersara".

"Beliau bersara justru di tengah prestasi, pujian dan populariti kepimpinannya. Beliau bersara setelah berjaya membawa Malaysia menjadi salah satu bangsa di Asia Tenggara yang cukup makmur dan moden," katanya.

Lidah pengarang itu menyebut bahawa di bawah kepimpinan Dr Mahathir, Malaysia yang dahulu belajar banyak hal daripada Indonesia kini telah

melonjak berada jauh di depan.

Satu lagi pujian kepada seorang pemimpin Malaysia, lidah pengarang itu menyatakan bahawa "ketika kita masih tertatih-tatih berusaha keras keluar daripada pelbagai krisis, Dr Mahathir justru telah menjadi juru bicara negara sedang membangun dan juga Islam dalam menghadapi hegemoni Barat".

Akhbar itu menyatakan Dr Mahathir dilihat sebagai penguasa menerusi pemerintahan kuku besi menentang musuh politiknya sehingga beliau dicap sebagai seorang diktator.

"Namun, tidak dapat disangsikan, bahawa Dr Mahathir memang pemimpin yang punya visi. Beliau tahu bagaimana membangunkan negaranya," kata lidang pengarang itu.

"The Jakarta Post Indonesia" satu-satunya akhbar berbahasa Inggeris juga memberikan sanjungan kepada Dr Mahathir dan peralihan kuasa secara teratur, di ruangan lidah pengarangnya hari ini di bawah tajuk "Legasi Mahathir Mohamad".

Akhbar itu menyatakan bahawa penggantian kepimpinan yang teratur merupakan pencapaian penting bagi sebuah negara bukan barat yang sedang membangun boleh mendapat penyatuan politik dengan sempurna.

"Dr Mahathir telah menunjukkan kemampuan politik untuk negara bukan barat dalam mengurus penggantian dengan teratur tanpa demonstrasi atau rampasan kuasa.

"Dalam hubungan ini, Malaysia telah menunjukkan bahawa negara ini lebih baik daripada Indonesia, yang gagal mendapatkan penggantian secara teratur, walaupun regim Soeharto telah menunjukkan sesuatu yang serius dalam arena politik pada awal 1990an," kata akhbar itu.

Akhbar itu menyanjung tinggi Dr Mahathir terhadap apa yang dilakukan beliau dalam memperbaiki mutu pendidikan Malaysia untuk mengeluarkan sumber manusia yang berkualiti tinggi.

Ia juga menyatakan: "Dr Mahathir akan diingati kerana program untuk meningkatkan kualiti sumber manusia dan asas sains dan teknologi Malaysia".

Akhbar itu menyatakan bahawa Dr Mahathir menghabiskan fasa baru ini dengan menubuhkan sebuah Pusat Mahathir Mohamad, yang terletak di sebuah kawasan indah di Malaysia yang melambangkan kejayaan berprestij beliau sebagai seorang pemimpin dan negarawan.

-- BERNAMA

OPP BK